

## Anatomi Ailments menurut 2 Timotius 4:5 Berkontribusi bagi Pelayanan Gereja Gmahk di Sabah

Nelson Llames<sup>1</sup>, Rudolf Sagala<sup>2</sup>

<sup>1,2</sup>Program Pascasarjana Magister Filsafat Universitas Advent Indonesia

Email: [nelsonllames2020@gmail.com](mailto:nelsonllames2020@gmail.com)<sup>1</sup>, [uddinpettasolong@gmail.com](mailto:uddinpettasolong@gmail.com)<sup>2</sup>

### Abstrak

Masyarakat Sabah yang unik dari aspek penduduk peribumi yang majmuk dan pelbagai dari sudut etnik, budaya, tradisi dan bahasa merupakan keistimewaan bagi penduduk pribumi yang tinggal di Sabah namun, akan menjadi lebih rumit dalam dinamika kepadatan yang semakin bertambah dan berlaku pertembungan masyarakat antarabangsa yang meliputi kepelbagaian bangsa juga etnik, adat, bahasa dan kepercayaan yang pasti memberi kesan identifikasi masyarakat tempatan dalam jangka masa panjang. Kedudukan kepulauan Borneo yang dikelilingi laut dan pulau-pulau kecil negara jiran menjadikan Sabah mudah dimasuki kerana keluasannya. Pengaruh dan tekanan luaran yang menghambat budaya dan tradisi pribumi mengubah bentuk pola hidup dan pola pikir masyarakat untuk terus maju ke hadapan atas kelemahan pemimpin dan penguatkuasaan pengawalan kemasukan warga asing. Tanpa diduga, 'ailments' telah menyeruak ke dalam masyarakat yang terkait dengan kepercayaan agama dan kepemimpinan dalam pelayanan gereja. Penelitian ini akan membahas tentang *ailments* di dalam konteks surat 1 dan 2 Timotius dan mendapatkan pengertian apa yang dapat dipelajari dari surat 2 Timotius 4:5 sehubungan dengan pengaruh *ailments* dalam jemaat gereja yang dapat berkontribusi bagi GMAHK di Sabah, Malaysia. Bentuk penelitian dalam artikel ini adalah penelitian pustaka dengan pendekatan kualitatif deskriptif. Penelitian ini melakukan kajian terhadap sumber-sumber pustaka dan menguraikannya dalam sebuah kerangka uraian. Dapatan penelitian ini, mengenalpasti 'ailments' penyakit yang menyerang jemaat yang dilayani berbentuk pengajaran sesat, Etika semasa beribadah, Perdebatan atau pertengkaran, Cinta akan Uang, Kejatuhan moral dan spiritual (Stimson Hutagalung & Ferinia, 2020) di zaman akhir dan menjelaskan bagaimana langkah mengatasinya melalui cara penguasaan diri, bersabar dalam penderitaan, komitmen dalam memberitakan injil dan memastikan tugas pelayanan yang diterima dapat diselesaikan sebagai hamba Tuhan.

**Kata Kunci:** Anatomi, Pengaruh, Ailments, Pelayanan Gereja.

### Abstract

The people of Sabah are unique indigenous people in terms of ethnicity, culture, tradition and language. This is a privilege for the indigenous people who live in Sabah, however it is complicated by the dynamics of increasing density and the clash of international communities involving racial and ethnic diversity, customs, languages and beliefs that will inevitably affect the identification of local communities in the long term. The position of the Kalimantan archipelago which is surrounded by the sea and small islands of neighboring countries makes Sabah easy to reach because of its vastness. External influences and pressures that hinder indigenous cultures and traditions change people's way of life and mindset to move forward on the weakness of leaders and enforcement of foreign entry controls. Unexpectedly, the 'ailments' have spread to the community related to religious beliefs and the leadership in church ministry. This study will discuss 'ailments' in the context of the letter 1 and 2 Timothy and gain an understanding of what can be learned from 2 Timothy

4:5 in relation to the effects of 'ailments' in church congregations that can contribute to Seventh Day Adventist Church in Sabah, Malaysia. The research method in this article is library research with a descriptive qualitative approach. This study conducts a study of library sources and describes them in a descriptive framework. The findings of this study, identify ailments that attack the church being served in the form of heresy, ethics during worship, debates or quarrels, love of money, moral and spiritual fall at the end of time and explain how to overcome them through self-control, patience in suffering, commitment in preaching the gospel and ensure that received ministry task can be completed as servants of God.

**Keywords:** *Anatomy, Influence, Ailments, Church Ministry.*

## **PENDAHULUAN**

Sabah merupakan negeri dalam Malaysia yang dikenal dengan 'Negeri di bawah Bayu' kerana memiliki gunung tertinggi di kepulauan Borneo dan kesepuluh tertinggi di Asia Tenggara dikenali 'Gunung Kinabalu' (Dollah & Abdullah, 2017). Keluasan kawasan meliputi 72,500 kilometer persegi, diliputi dengan pantai dan dikelilingi Laut China Selatan di bahagian Barat, Laut Sulu di bahagian Timur Laut dan Laut Celebes di bahagian Timur, Sabah terletak di bahagian paling utara Borneo dan merupakan pulau ke-3 terbesar di dunia (Laman Web Rasmi Kerajaan Negeri Sabah, 2021) Menurut tulisan buku 'Pluralisme Etnisiti Sabah dan Sarawak', Penduduk Sabah pada tahun 1891 pada awalnya terdiri daripada 16 kumpulan etnik pelbagai latar belakang dan terbahagi kepada masyarakat pribumi Islam (kumpulan etnik Bajau, Brunei, Iranun, Bisaya dan Idahan) manakala, masyarakat pribumi bukan Islam terdiri daripada suku kaum Murut, Rungus, Dusun dan lain-lain lagi. (Profile, 2020) Selepas tahun 1952, daftar penduduk Sabah telah merangkumi 33 kumpulan pribumi yang berkomunikasi dalam lebih 50 bahasa dan terdapat 80 dialek etnik. Kadazan-Dusun merupakan kumpulan etnik yang terbesar di Sabah iaitu hampir 30% daripada keseluruhan jumlah penduduk. Perayaan Pesta Menuai merupakan perayaan besar diraikan oleh etnik Kadazan-Dusun sebagai menghormati Roh Beras dan tanda kesyukuran hasil tuaian padi. Masyarakat etnik Bajau dikenali sebagai 'Koboi Timur' merupakan etnik kedua terbesar, dan etnik Murut, iaitu orang-orang bukit yang dikenal sebagai 'pemburu kepala' di masa lampau, adalah kumpulan etnik ketiga terbesar di Sabah. Suku kaum lain-lain yang juga termasuk suku kaum bumiputera (Bisaya, Melayu Brunei, Bugis, Kedayan, Lotud, Lundayeh, Rungus, Suluk, Minokok, Bonggi, Ida'an, dan banyak lagi) Manakala,, orang Cina pula termasuk dalam kumpulan utama bagi penduduk bukan pribumi (Laman Web Rasmi Kerajaan Negeri Sabah, 2021).

Etnik Suluk Sabah merupakan salah satu kelompok etnik diiktiraf sebagai pribumi Sabah. Namun, keberadaan komuniti ini dilihat dari perspektif sosiologikal dalam kalangan masyarakat Sabah kebanyakannya menganggap etnik Suluk adalah kumpulan komuniti bermigrasi atau dalam erti kata yang lebih kasar disebut 'pendatang Filipina'. (Maraining et al., 2018) A.Zaini, O. Marsitah dan rakan, mengutip Fakulti Zulkifli Hassan, bahawa komuniti Suluk adalah kelompok bermigrasi (Acharya, 2021) kesan dua faktor penting iaitu faktor tolakan keadaan tempat asal (Isu ekonomi, dan keselamatan), juga dasar kerajaan negara asal Filipina dan faktor tarikan tempat baharu yang (sosiobudaya, peluang pekerjaan dan ekonomi), serta faktor penguatkuasaan yang tidak ketat (Maraining et al., 2018).

Pekerja asing merupakan sebahagian daripada sistem ekonomi di Sabah. Menurut Dollah, Ramli Abdullah, Kamarulnizam, Sabah menerima kehadiran pekerja asing dari negara Filipina dan Indonesia yang ramai dalam beberapa sektor ekonomi kerana kepesatan dan kemajuan pembangunan Sabah. (Dollah & Abdullah, 2017) Berawi, Fuad Mohamed, Khalizah, Nur, Buruh, Samin juga menjelaskan buruh asing negara jiran seperti Indonesia, Thailand, dan Filipina, juga datang dari negara Myanmar, Pakistan, dan Bangladesh. keperluan tenaga buruh menyebabkan Sabah menjadi tumpuan pekerja asing, (Berawi et al., 2019) kehadiran mereka tanpa dokumen atau sebagai pendatang tanpa izin (PTI) dan pelarian dengan bilangan yang ramai dilihat pada satu sudut menimbulkan isu seperti masalah jenayah dan sosial, ancaman identiti dan sering

dikaitkan bentuk gambaran negatif misalnya ancaman kepada keselamatan negara, ancaman pegganas, jenayah, masalah ekonomi, masalah politik, dan sebagainya. (Dollah & Abdullah, 2017) Penduduk Sabah bertambah daripada 3.89 juta (2018) kepada 3.90 juta (2019) dan komposisi penduduk warganegara 71.1 peratus manakala, 28.9 peratus atau 1.12 juta orang bukan warganegara (Dollah & Abdullah, 2017).

Berdasarkan penjelasan latar belakang Sabah yang unik dari aspek penduduk peribumi yang majmuk dan pelbagai dari sudut etnik, budaya, tradisi dan bahasa akan menjadi lebih rumit dalam dinamika kepadatan yang semakin bertambah dan berlaku pertembungan masyarakat antarabangsa yang meliputi kepelbagaian bangsa juga etnik, adat, bahasa dan kepercayaan yang pasti memberi kesan dalam identiti masyarakat tempatan dalam jangka masa panjang. Pengaruh dan tekanan luaran yang menghambat budaya dan tradisi peribumi mengubah bentuk pola hidup dan pola pikir masyarakat untuk terus maju ke hadapan atas kelemahan pemimpin dan penguatkuasaan pengawalan kemasukan warga asing (Dollah & Abdullah, 2017) yang dilihat positif aspek pembangunan tetapi, memberi dampak negatif dan ancaman kepada masyarakat dan negara. Sehingga era ini berupa suatu hukum “*absolut*” dan tidak ada pilihan berkonjungsi manusia hidup harus “*interdependensi*” berbanding “*dependency*”. (Tuhan et al., 2000) Paradigma migrasi telah menghakis ke dalam ekonomi, politik, sosial, budaya dan juga agama. Menurut T Tampake, Globalisasi pergerakan diwarnai dengan batas geografis, ideologis dan kultural yang kabur akibat banggunya pertembungan baru (Tampake, 2018).

Di Sabah, berlaku proses kompresi ruang dampak peningkatan pesat dalam *interdependensi* budaya, komoditas, informasi, dan masyarakat merentas elemen ruang dan waktu akibat perkembangan dan kepesatan pembangunan, teknologi dan pecutan informasi. Akibatnya berlaku kecelaruan praktek dan kode standar, informasi keras dikebiri, mengutamakan uang dan waktu, komoditas dan manusia semakin renta. Tanpa diduga, ‘*ailments*’ telah menyeruak ke dalam masyarakat yang terkait dengan kepercayaan agama dan kepemimpinan dalam pelayanan gereja. *Ailments* merupakan ‘penyakit’ yang dihadapi masyarakat dituliskan Paulus dalam konteks surat 1 dan 2 Timotius telah menghakis keutuhan dan keunggulan kepemimpinan yang dihadapi dalam pelayanan umat Kristian di Sabah. Gereja Masehi Advent Hari Ketujuh (GMAHK) juga terkait fenomena *ailments* dan turut Kebutuhan kepemimpinan yang asli sesuai dengan wajah sebenar penciptanya untuk memimpin umat-Nya dalam pelayanan dan pertumbuhan gereja di Sabah. Penelitian ini akan membahas tentang *ailments* di dalam konteks surat 1 dan 2 Timotius dan mendapatkan pengertian apa yang dapat dipelajari dari surat 2 Timotius 4:5 sehubungan dengan pengaruh *ailments* dalam jemaat gereja yang dapat berkontribusi bagi GMAHK di Sabah, Malaysia.

*Ailments* dimaknai sebagai ‘*illness*’ berarti penyakit (Tari & Tafonao, 2019) Konteks surat 1 dan 2 Timotius memberi gambaran ‘*ailments*’ telah menyeruak ke dalam masyarakat yang terkait dengan kepercayaan agama dan kepemimpinan dalam pelayanan gereja. Anatomi adalah bentuk kajian (kaji bina tubuh, kaji urai tubuh, ilmu urai atau ilmu tasyrih/tasrih) bentuk cabang biologi mengkaji suatu struktur dan bahagiannya dengan lebih mendalam dalam satu bidang (*Anatomi kasar - Wikipedia Bahasa Melayu, ensiklopedia bebas*[https://ms.wikipedia.org/wiki/Anatomi\\_kasar](https://ms.wikipedia.org/wiki/Anatomi_kasar), 2021). Anatomi ke atas *Ailments* ‘penyakit’ yang dihadapi masyarakat sebagaimana dituliskan Paulus dalam konteks surat 1 dan 2 Timotius akan menjelaskan penyakit yang telah menghakis keutuhan dan keunggulan kepemimpinan yang dihadapi jemaat dan dalam pelayanan umat Kristian di Sabah. Konteks ini harus diperhalusi secara menyeluruh untuk mengerti surat 2 Timotius 4:5 sehubungan dengan pengaruh *ailments* dalam jemaat dan pelayanan gereja yang dapat berkontribusi bagi GMAHK di Sabah.

#### **Latar belakang Kota Efesus**

Latar belakang Timotius di kota Efesus perlu diuraikan sebagai latar situasi sebenar dalam konteks yang digunakan untuk menjelaskan penelitian ini. Timotius adalah ‘anak rohani’ Rasul Paulus dipersiapkan

dalam pelayanan menurut misi Paulus di kota Efesus. Kota Efesus berkembang berdampak pada kekuatan ekonominya sebagai 'sentra bisnis' iaitu pusat ekonomi kerana menjadi tumpuan bangsa dari seluruh wilayah menjalankan kegiatan ekonomi secara meluas. Kemajuan kota ini diilustrasikan melalui pelabuhan yang besar, lengkap pelbagai prasarana publik seperti gedung teater, tempat permandian, perpustakaan, pasar, dan keindahan binaan. (*PERJANJIAN BARU EZRA TARI, M. Th Judul Oleh Editor Penyunting Desain Sampul Cetak Pertama Penerbit ISBN : Penafsiran Kritik Teks Perjanjian Baru : Ezra Tari, M. Th : Desri N. Linggamo, Purnama Pasande : Elsy Evasolina Tulaka, Fransisco Oes Asa ;, n.d.*) Kota ini juga masyur sebagai 'Sentra Okultis' pusat penyembahan berhala dan terbina sebuah kuil penyembahan berhala kesuburan 'Anotolia' dan berhala 'Artemis' atau dewi Diana. Justru, menjadi kota utama Daerah Roma di Asia. (Tuhan et al., 2000) Bangsa-bangsa kota Efesus yang multietnis mempercayai dewa dewa berhala yang disembah melalui ritual rutin. (Rumbay, 2021) Kuil-kuil dibangun untuk menghormati para Kaisar Roma iaitu 'Klaudius, Severenus dan Hadrianus. (*PERJANJIAN BARU EZRA TARI, M. Th Judul Oleh Editor Penyunting Desain Sampul Cetak Pertama Penerbit ISBN : Penafsiran Kritik Teks Perjanjian Baru : Ezra Tari, M. Th : Desri N. Linggamo, Purnama Pasande : Elsy Evasolina Tulaka, Fransisco Oes Asa ;, n.d.*) Secara makro, kedua unsur kekuatan yang menjadikan Kota Efesus masyur menjadi 'ailments' kepada bangsanya yang tanpa disadari 'dijangkiti' oleh Roh 'meterial' dan 'okultis'. Kondisi ini pasti mempengaruhi jemaat Kristian dalam hal materialisme dan spritualisme (mistisme). Timotius turut berhadapan dengan tantangan dan kesulitan dalam pelayanannya sehingga berimplikasi dalam kehidupan jemaat Kristen dan pemimpin gereja.

#### **Konteks surat 1 dan 2 Timotius**

Surat tulisan Rasul Paulus kepada Timotius memberi ingatan terkait tentangan pelayanan Timotius di Efesus. Rasul Paulus mengilustrasikan anatomi dalam *ailments* yang dianggap bahaya dan berupa problematika masyarakat dan bangsa di Kota Efesus iaitu berupa; pengajaran sesat, Etika dalam beribadah, Perdebatan atau bersilat kata, Cinta Uang, Kebobrokan moral dan spiritual di akhir zaman. Justru, penegasan Paulus kepada Timotius yang masih muda (1 Timotius 4:12) dan pemalu juga penakut (1Timotius 1:7-8) agar mengawasi 'diri sendiri dan pengajarannya' (1 Timotius 4:16).

Paulus memperingatkan dan menasihati Timotius tentang bahaya dan problematika, yaitu berupa:

#### **Pengajaran sesat (1Tim 1:3-11; 4:15; 2Tim 2:14-26)**

Ajaran sesat boleh melemahkan dan membawa kepada iman yang salah daripada doktrin ajaran Alkitab. Menurut Dr Juanda, ajaran sesat adalah pemikiran dan pengertian yang bertentangan dengan ajaran Alkitab. (Juanda & Andaline, 2019) Nasihat rasul Paulus dalam suratnya kepada Timotius agar menasihati orang-orang yang dilayani, agar mereka jangan mengajar ajaran lain dan jangan mengisi pengertian yang tidak berasas dan silsilah yang tiada penghujung yang membingungkan (1 Tim 1:3-4). Mereka tidak bersandarkan kepada firman Tuhan yang suci dan murni untuk memberi ajaran dan nasihat, tetapi lebih berbicara kosong kerana tidak mengerti perkataan mereka sendiri (1 Tim 1:5-7). Sedangkan inti Firman Tuhan yang merupakan Injil dari Allah yang mulia dan maha bahagia adalah baik sekiranya tepat digunakan bagi orang-orang yang pendosa (penculik, pendusta, penyumpah dan bertentangan dengan ajaran dasar kebaikan) (1 Tim 1:8-11). Rasul Paulus menegaskan agar Timotius memperhatikan nasihat itu dan lakukan tugasnya sebagai pelayan yang berhadapan dengan orang-orang penyesat agar mereka melihat kebenaran daripadanya (1 Tim 4:15). Timotius perlu menasehati mereka dengan sungguh-sungguh agar tidak bertengkar kerana ia tidak berguna dan menjadi halangan kepada orang lain, juga sebagai orang dewasa yang harus menunjukkan sikap kematangan (indrianta et al., 2021) dan Timotius harus berusaha menjadi layak dihadapan Tuhan dengan sikap tidak malu dalam berterus terang dan memberitakan perkataan kebenaran dan meghindari omongan kosong (2 Tim 14:16). Ini kerana perkataan mereka menjalar seperti penyakit kanser (2 Tim 14:17).

Takaliuang, Morris Phillips menjelaskan pengajaran sesat adalah ajaran-ajaran sesat (bidatisme) dan

merupakan ancaman dan rongrongan yang merosak dan menyelewengkan ajaran ortodoks, menyeleweng pengertian, penghancur iman dan menimbulkan dekadensi moral Kristiani. Ajaran sesat sudah wujud sejak gereja Tuhan berdiri dan terus bergerak dan menyesatkan banyak orang. Amalan dan praktek agama serta ibadah yang menarik berjaya memenangkan banyak orang dari berbagai kalangan dan latar belakang budaya (Takaliuang, 2020).

Dalam penelitian jurnal 'Dasar Kerajaan Negeri Sabah Menangani Perkembangan Ajaran Sesat Dalam Islam' Idris, Asmady, Yusof, Shahril, Sintang, Suraya, Ramli, Issraq memetik Mohd Amin bahawa Sabah berdepan dengan pelbagai ajaran, fahaman dan amalan bertentangan dengan syari'at Islam. sifat umum ajaran sesat berkait rapat dengan penyelewengan dan ajaran salah dalam akidah dirumuskan sebagai mempraktikkan elemen- elemen syirik, tidak percaya kewujudan tuhan, mengakui diri sebagai tuhan, mendakwa diri bersatu dengan tuhan dan para nabi, menafikan sifat kenabian dan seumpamanya (Idris et al., 2020). Sehubungan itu, menurut Berker, 2014 yang dipetik menyatakan di negara barat istilah-istilah yang mengaitkan sesebuah ajaran dan terkeluar dari ajaran agama sebenar (heresy, cults, black magic, occult, mytics dan sects). Ajaran sesat mewujudkan gejala tidak baik malah mampu mencetuskan konflik berdarah antara pengikut kumpulan dan pihak kerajaan seperti isu tragedi Manson Family (1969), Symbionese Liberation Army (1973-1975), Jim Jones' Peoples Temple (1978), David Koresh Group (1993), Solar Temple (1994-1997) dan banyak lagi. (Idris et al., 2020).

### **Etiket dalam beribadah (1Tim 2:8-15)**

Rasul Paulus menginginkan supaya ketertiban dan etika dalam beribadah orang-orang yang dilayani menurut nasihat diberi. Beribadah dengan tangan suci, tanpa perselisihan dan kemarahan. Para wanita mempersiapkan diri dengan terampil yang sopan dan sederhana dalam perbuatan baik serta, tidak berperasaan menonjol (1 Tim 2:8-15).

Menurut J. Tanhidy, M. Daliman, H. Suparti, K. Siswanto menyatakan etika dalam Kristian merupakan sikap dan perilaku kehidupan kekristenan berpandu pada Alkitab yang merupakan firman Allah. Secara etimologi 'Etika' berasal dari kata Yunani Kuno ethos berarti padang rumput, kandang, tempat tinggal yang biasa, adat, akhlak, kebiasaan, perasaan, sikap watak, cara berpikir (Tanhidy et al., 2021).

Penekanan bahawa keluarga merupakan lembaga keluarga ter-tua dibentuk oleh Allah dan diberi-Nya mandat untuk beranak cucu dan bertambah banyak (Kej. 1:28) dan aspek-aspek utama yang standar dianggap lebih tinggi berupa aspek fisik (physical), aspek emosi (emotional), aspek sosial (social) dan aspek rohani (spiritual) (Tanhidy et al., 2021).

Dua dimensi iaitu hubungan suami-istri dan hubungan orang tua-anak terdapat penekanan dalam aspek rohani, sosial, moral dan fisik. Hubungan antara anggota keluarga kepada etika (Efesus 5:22-6:4) pernikahan Kristen, tujuan pernikahan di dalamnya terpancar kasih Allah sebagai lambang relasi antara Yesus Kristus dan gereja-Nya. Para istri bersikap hormat kepada para suami atau menurut kepada otoritas suami sebagai ketua keluarga sama seperti Kristus adalah Kepala jemaat (Ef. 5:22, 25), suami diperintahkan mengasihi istri, sama seperti Kristus telah mengasihi jemaat (Ef. 5:25). Suami-istri saling menghargai dan menghormati (Ef. 5:33). suami-istri patut saling percaya satu sama lain, mengawasi kelakuan pasangan dan menerima kelebihan atau kekurangan pasangan. (Efesus 5:28-31) Suami yang harus mengasihi istrinya sama seperti dirinya sendiri, mengasuh dan merawatnya sebab telah dipersatukan oleh Allah menjadi satu daging. (Efesus 6:1-4) keluarga Kristen tidak akan menyepelkan anak-anak, tetapi mendidik dan menerima mereka sebagai pemberian Tuhan.

Armila, menjelaskan etika adalah cabang utama filsafat yang menghasilkan nilai dan kualitas standar moral dan penilaian, etika berbicara tentang benar, salah, baik, buruk dan tanggung jawab yang menunjukkan perilaku seseorang (Armila, 2016). Hamba Tuhan di tengah menjalin hubungan khusus bersifat berkepentingan

pribadi yang saling menguntungkan, dan mempunyai hubungan intim dengan anggota jemaatnya, dan bersikap adil dalam semua hal (Armila, 2016).

Menurut Hutagalung, etika berpakaian dan sikap tubuh dalam beribadah mengilustrasikan etika karakter seseorang. Sikap hormat dan sopan serta memakai pakaian yang kemas dalam beribadah online mencerminkan karakter dan sikap iman penuh hormat kepada Tuhan. Apabila mengikuti ibadah harus juga memastikan etika berpakaian kemas dan persediaan diri dalam beribadah agar penyembahan berkenan di hadapan Tuhan (Hutagalung, 2020).

#### **Perdebatan atau bersilat kata (1Tim 6:2b-5),**

Penyakit suka berdebat adalah orang yang suka berlagak pandai namun, sebaliknya. seorang mengajarkan ajaran lain dan tidak menurut perkataan sehat, tidak menurut ajaran Alkitab merupakan penyakit yang suka, menyebabkan dengki, cidera, fitnah, curiga, serta, percekocokan dalam kalangan mereka yang kehilangan kebenaran, beribadah dengan tujuan kepentingan diri (1 Tim 2b-5).

L. Henny, menjelaskan bahawa ada tiga aspek ibadah yang benar iaitu ibadah yang benar adalah pelayanan untuk Allah melalui persembahan seluruh tubuh jiwa dan roh dengan bentuk tindakan dan sikap penuh hormat dan memuji, ketundukan, serta ketaatan dengan penuh ucapan syukur. Kedua, unsur-unsur ibadah terangkum ungkapan batin yang mengakui bahwa Allah berdaulat, baik, dan penuh dengan kuasa. Melalui persembahan pribadi atau persembahan jemaat, datang kepada Allah dengan membawa persembahan. Ketiga, ibadah dihayati semasa bergereja dan Tuhan Yesus sebagai fokus penyembahan melalui nyanyian pujian, permohonan doa, pengakuan dosa, pengampunan, ucapan syukur serta melakukan persembahan terbaik kepada Tuhan yaitu tubuh, jiwa dan roh, dalam pelayanan kepada sesama (Henny, 2020).

#### **Cinta uang (1Tim 6:10),**

Karena akar segala kejahatan ialah cinta wang. Sebab oleh memburu uanglah beberapa orang telah menyimpang dari iman dan menyiksa dirinya dengan berbagai-bagai duka.

Regen Wantalangi mengutip Devi Irawaty, menyatakan bahawa 'Materialisme-hedonis' jika dilihat dalam gaya hidup sangat berkaitan erat dengan perkembangan zaman dan teknologi. Semakin berkembang pula penerapan gaya hidup oleh manusia dalam kehidupannya sehari-hari diartikan adalah Hedonisme. Gaya hidup hedonis merupakan pola hidup untuk mencari keselesaan dan kesenangan (menghabiskan waktu di luar rumah, lebih banyak bermain, hidup berfoya-foya, suka berbelanja memenuhi keinginan diri, cenderung mengikuti gaya hidup mewah dan suka mencari perhatian). (Tari & Tafonao, 2019) 'Materialisme' juga dikaitkan dengan 'hedonis' kerana keutamaan 'hedonis' adalah materi (hal-hal duniawi) merujuk kepada hal kebendaan, dan sangat erat dengan Materialisme iaitu gaya hidup yang suka akan keindahan dunia dalam bentuk materi (Tari & Tafonao, 2019).

#### **Kebobrokan moral dan spiritual (2Tim 3:1-9)**

Manusia akan mencintai dirinya sendiri dan menjadi hamba uang. Mereka akan membual dan menyombong diri, mereka akan menjadi pemfitnah, mereka akan memberontak terhadap orang tua dan tidak tahu berterima kasih, tidak mempedulikan agama, tidak tahu mengasihi, tidak mahu berdamai, suka menjelekkkan orang, tidak dapat mengekang diri, garang, tidak suka yang baik, suka mengkhianati, tidak berpikir panjang, berlagak tahu, lebih menuruti hawa nafsu daripada menuruti Allah (2 Tim 3:1-4). Secara lahiriah mereka menjalankan ibadah mereka, tetapi tidak meyakini kuasa Allah dan mereka menyelip masuk ke rumah orang lain dan menjerat perempuan-perempuan lemah yang sarat dengan dosa dan dikuasai oleh berbagai-bagai nafsu (2 Tim 3:5-6). Mereka ingin diajar, namun tidak pernah dapat mengenal kebenaran (2 Tim 3:7-9)

#### **METODE**

Bentuk penelitian dalam artikel ini adalah penelitian pustaka dengan pendekatan kualitatif deskriptif.

Penelitian ini melakukan kajian terhadap sumber-sumber pustaka dan menguraikannya dalam sebuah kerangka uraian. Konteks surat 1 & 2 Timotius perlu dimengerti secara menyeluruh kemudian, mendeskripsikan pengaruh ailments dalam jemaat dan pelayanan gereja untuk pengertian surat 2 Timotius 4:5 sebagai inti utama dalam penelitian ini. Selain menggunakan Alkitab sebagai referensi utama, juga dipergunakan buku-buku dan sumber-sumber primer lain yang relevan dengan topik sesuai prinsip literatur review. Penelitian ini juga, menggunakan sumber- sumber acuan yang dapat melengkapkan penelitian ini.

## HASIL DAN PEMBAHASAN

GMAHK Sabah Adventist Mission (SAM) bermula di satu tempat peribadatan Bandar Kudat sebuah "House church". Pendeta Manson (1964), merupakan orang Amerika syarikat adalah Presiden ketika itu. Bermula dengan 7 buah keluarga yang bersembahyang di gereja tersebut, Statistik pada June 2021 menunjukkan sudah ada 175 buah gereja dan seramai 33,091 anggota jemaat populasi, 3,763,673 (Statisti online). (Sabah Mission, 2020) SAM memiliki Sekolah Menengah Advent Goshen di Kota Marudu, dan Sekolah Menengah Advent Sabah di Tamparuli, Sabah; Malaysia yang mendukung pendidikan Advent. (Mission, 2021) Menurut rekod Statistik Malaysia 2015, statistik agama Sabah terdiri dari 65,4% beragama Islam, 26,6% beragama Kristen, 6% beragama Buddha, dan 2% adalah lain-lain. Sabah memiliki 31 atau lebih kelompok etnis dan subkelompok yang berbeda dan lebih dari 80 bahasa atau dialek. Orang-orang Dusun adalah kelompok terbesar dari keanggotaan gereja di Sabah. (Mission, 2020) Perkembangan dari segi peningkatan jumlah anggota dilaporkan agak perlahan misalnya jumlah keanggotaan gereja Seventh-day Adventist di Pulau Banggi hanya seramai 18 orang sahaja, ini kerana majoriti penduduk di kepulauan itu mempunyai sejarah berhijrah dari kepulauan lain selatan Filipina dan beragama Islam. Cara hidup dan kepercayaan yang masih berpaksi di negara asal mereka (Mission, 2015) Penduduknya dianggarkan seramai 1000 orang terdiri daripada suku kaum Bajau Ubian dan Dusun Bonggi dan terdapat juga kaum-kaum lain iaitu orang Kagayan, dan Suluk.

Migrasi memberi kesan perkembangan agama menerusi pendakwah ke Sabah. Melalui proses dakwah, Islam mulai tersebar di antara suku kaum dari segi bahasa, agama, adat, budaya, pegangan hidup dan termasuk pakaian tradisi sehingga dapat membentuk perpaduan yang disesuaikan kesan perkahwinan campur sama ada antara migrasi etnik dominan Islam daripada Brunei, Filipina dan Indonesia bukan sahaja membentuk kepelbagaian etnik Islam, malah menjadikan Islam sebagai kumpulan majoriti dianuti di Sabah. Sekali gus memberi impak yang besar apabila Islam menjadi agama rasmi negeri Sabah. a migran Islam dengan warga bukan Islam Sabah atau sebaliknya (Nur et al., 2019).

Menurut Wilayah Misi Persatuan Asia Tenggara, Malaysia mencakupi beberapa wilayah iaitu Peninsula Adventist Mission di semenanjung Malaysia, dan Sabah Adventist Mission di Sabah, juga Sarawak Adventist Mission di Sarawak. Hanya ada sebuah rumah sakit Advent, Rumah Sakit Advent Penang (Penang, Malaysia). Terdapat tiga sekolah dasar/menengah berlokasi di wilayah ini Sekolah Menengah Advent Goshen (Kota Marudu, Sabah, Malaysia), dan Sekolah Menengah Advent Sabah (Tamparuli, Sabah, Malaysia.) (Site., 2020) catatan sejarah sehingga tahun 2020, belum ada pertambahan hospital juga sekolah dasar/menengah yang lebih progresif. Elder Saw Samuel menekankan semasa penutupan acara konferen Southern Asia Pasific, 2021.

*"In these fourteen countries, where Buddhism and Islam are most dominant, we still have a lot of work to do. Eighty-five percent of our population in SSD have not heard of the blessed message of hope. We will work together to make the Lord's message be heard across this territory,"*

Ted N.C. Wilson, ketua Gereja Masehi Advent Hari Ketujuh sedunia, selama kunjungan bersejarah ke Malaysia dan menekankan cabaran terbesar jemaat adalah berkait tinggi diri dan kepentingan diri yang menjadi kelemahan (ailments) dalam penginjilan dan memerlukan pimpinan Roh Kudus untuk kerendahan diri.

*“our greatest problem is not religious persecution. ... Our greatest challenge in the Seventh-day Adventist Church is pride and self. God is asking us to humble ourselves as Jesus did.”* Adventist Church President Ted N.C. Wilson (McChesney & Editor, 2019)

Berdasarkan penjelasan di dalam konteks latar belakang kota Efesus, dua unsur kekuatan yang menjadikan Kota Efesus masyur iaitu kemajuan sebagai pusat ekonomi dan pusat penyembahan berhala yang menjadi *'ailments'* kepada bangsanya yang turut mempengaruhi jemaat Kristen dalam hal materialisme dan spiritualisme (misticisme). Sehingga Rasul Paulus menuliskan kepada Timotius dalam surat 1 dan 2 Timotius memberi ingatan akan bahaya dalam masyarakat dan bangsa di Kota Efesus iaitu berupa; pengajaran sesat, Etika dalam beribadah, Perdebatan atau bersilat kata, Cinta Uang, Kebobrokan moral dan spiritual di akhir zaman. Punca kondisi ini kerana Kota Efesus menjadi tumpuan bangsa dari seluruh wilayah kerana menjalankan kegiatan ekonomi secara meluas dan pemimpin wilayah yang tidak setia kepada Tuhan.

Sehubungan itu, Sabah berhadapan dengan kepadatan yang lebih rumit dalam dinamika penduduk yang semakin bertambah dan berlaku pertembungan masyarakat antarabangsa yang meliputi kepelbagaian bangsa juga etnik, adat, bahasa dan kepercayaan akibat kebanjiran pekerja/buruh asing dan migrasi kesan faktor tarikan peluang pekerjaan/kemajuan pembangunan ekonomi Sabah dan akibat kelemahan pemimpin dalam kawalan serta penguatkuasaan yang berdampak memberi kesan dalam identiti masyarakat tempatan dalam jangka masa panjang. Pertembungan ini memberi kesan kepada masyarakat Sabah dalam aspek tekanan dalam ekonomi, sosial, keselamatan, kesihatan, dan ancaman politik serta nilai kepercayaan keagamaan. Persoalan yang perlu dijawab adalah, apakah bentuk *'ailments'* yang diterima jemaat Kristian di Sabah? Dan soalan seterusnya adalah bagaimana untuk mengatasinya?

Sebagaimana dijelaskan pada awal penelitian, antara *'penyakit'* yang dihadapi jemaat Kristian adalah berkait ajaran sesat. Pengajar ajaran sesat memesongkan ajaran sebenar, memperkosa pengertian nurani jemaat dan tidak mengajarkan asas kebenaran Alkitab. Tidak banyak penelitian dalam hal ajaran sesat yang diterokai khusus dalam agama Kristian di Sabah. Namun, isu ini tetap berlaku dalam lingkungan kepercayaan gereja lokal sehinggakan terjadinya perpecahan dan pembubaran dalam jemaat atas faktor perbezaan tafsiran. Beberapa faktor munculnya ajaran sesat ini adalah kerana pengaruh kepercayaan lama, pengaruh ajaran agama dunia dengan filsafat sekuler dan Iman Kristen, Ketidakpuasan dan kekecewaan terhadap praktik kerohanian gereja yang sudah merosot, Kerohanian anggota gereja semakin merosot dan rapuh akibat pengaruh materialisme, serta pengaruh ajaran roh kejahatan (Takaliuang, 2020). Hubungan antara iman dan hati nurani adalah apabila yang lemah memimpin, justru yang lain akan ikut dilemahkan. Jemaat GMAHK turut berhadapan dengan bahaya penyakit ini. Penelitian menunjukkan perpecahan dalam kalangan anggota jemaat akibat pengertian doktrin yang berbeza. (Idris et al., 2020) Isu berhubung doktrin *'Trinititi'* dan keAllahan menjadi perdebatan yang panas sehingga berlaku perpecahan dalam kalangan tua-tua dan juga anggota jemaat. Mengisi pengertian yang tidak berasas dan silsilah yang tiada penghujung yang membingungkan (1Tim 1:3-4). SDRM, kelompok pengertian lain dari dasar SDA, meninggalkan kepercayaan asal, membentuk kepercayaan baru, menginjil menurut pengertian teologi mereka, menentang dasar Mission, kurang senang dengan perhatian yang dianggap diabaikan. Sehingga penyakit ini bisa menular kepada jemaat lain sekiranya tidak diatasi dengan baik.

Etika dalam beribadah dalam hal ketertiban masih merupakan penyakit yang berlaku dalam kalangan jemaat semasa beribadah. Hal berkaitan perselisihan sesama jemaat, kemarahan dan kesucian terlihat menjadi penekanan dalam gereja. Soal berkaitan pakaian, kenderaan, makanan dan penampilan masih menjadi persoalan perbincangan yang terus menerus didebatkan namun tiada penyelesaian. Sikap dan etika jemaat ini banyak terdapat di mana-mana gereja dan menjadi tentangan pertobatan yang sejati. Isu etika



dalam beribadah dapat dijelaskan gambaran sebuah keluarga. Hubungan di antara suami dan isteri dan hubungan antara orang tua dan anak-anak. Keharmonian dalam rumah tangga dapat dipraktikkan dalam kehidupan seharian. Kehadiran dalam pertemuan ibadah setiap minggu, etika berpakaian dan penglibatan diri dalam pelayanan merupakan perkara di titik beratkan. Ini merupakan penyakit kerohanian yang harus dibimbing dan menjadi tentangan bagi kepala jemaat mahupun pendeta masa kini.

Dalam hal materialistik, jemaat turut berhadapan dengan godaan dan keinginan yang mengutamakan kesenangan. Uang merupakan sumber kepada kebendaan, dan dalam perkembangan teknologi yang moden sumber pencarian wang juga sudah berubah. Penggunaan kemudahan 'E commerce' atau 'On-line trade' membuatkan pekerjaan boleh sahaja dibuat dari rumah. Tidak memerlukan tenaga dan kekuatan fizikal dalam hal mencari pendapatan, tetapi dengan kepintaran dan pengetahuan. Pembaziran dalam pembelian alat peranti gajet dan computer untuk tujuan itu, mengakibatkan masa untuk tujuan pekerjaan itu lebih tertumpu sehingga tidak ada masa untuk beribadah. Eksploitasi pemikiran untuk menjadi lebih hebat dan canggih membawa kepada kepentingan diri sehingga melupakan keagungan Sang pencipta. Komunikasi yang terdedah dengan budaya yang tidak ada batasnya, membuka ruang mata dan pemikiran lebih bebas sehingga tidak terbatas. Perkembangan ini menjadi tantangan dalam pelayanan bagi pemimpin abad ini.

Kebebasan beragama di Malaysia sememangnya dibenarkan terkandung dalam perlembagaan negara perkara 3(1) "Agama Islam adalah agama bagi Persekutuan tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bagian Persekutuan". Tetapi tergugat apabila pada 22 Oktober 2013, Mahkamah memutuskan penerbitan Gereja Katolik, Herald-The Catholic Weekly (Herald) mendapat larangan menggunakan kalimah Allah. (Mohad et al., 2015) Isu ini menjadi cabaran besar dari aspek aplikasi dan kebebasan beragama dan secara langsung merupakan tantangan ke atas pelayanan pemimpin gereja dan umat Kristian di Sabah. Satu kajian berhubung cabaran penganut-penganut agama di Sabah menunjukkan isu agama semasa, rumah ibadah dan bidang kuasa mahkamah sivil dan mahkamah syariah merupakan tantangan dalam kesepakatan dalam beragama di Sabah (Tiara Dewi, Muhammad Amir Masruhim, 2016). Perdebatan dan pergeseran antara usaha-usaha dakwah Islamiah dan Kristian bagi mempengaruhi masyarakat orang Asli hebat diperkatakan dalam rantai penggerak-penggerak agama yang dianggap sebagai isu dan cabaran di Sabah, Malaysia (Nur Shafinaz Sabri & Zulkefli Aini, 2018)

Terdapat kawalan kebebasan beragama dikenakan ke atas orang bukan Islam di Sabah, Malaysia. Nurhafilah Musa, membangkitkan pengamalan dan penyebaran agama merujuk Senarai II Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan. Negeri-negeri mempunyai kuasa untuk menguatkuasakan undang-undang untuk mengawal pengembangan agama bukan Islam kepada orang Islam. Akta ini merujuk hak penyebaran agama yang boleh dikawal dan disekat oleh kerajaan negeri dengan tujuan mengawal pengembangan agama bukan Islam kepada orang Islam. (Musa, 2016) Masalah sekatan penyebaran agama merupakan isu besar kerana faktor negara Malaysia yang berbilang bangsa dan agama. Larangan penyebaran agama lain kepada orang Islam antara lain dilakukan untuk memelihara penganut agama Islam dan sekatan ini bertentangan dengan hak kebebasan beragama dan seharusnya hak untuk pengembangan agama harus diberikan seimbang kepada semua agama (Musa, 2016).

*Contohnya seksyen 4 Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama-agama Bukan Islam (Johor) 1991 menyatakan,*

- 1) *Seseorang melakukan suatu kesalahan jika ia –*
  - a) *Memujuk, mempengaruhi, memaksa atau menghasut; atau*
  - b) *Mengadakan atau mengendalikan apa-apa aktiviti, pertunjukan, hiburan atau persembahan di mana isi kandungannya atau perutusannya adalah bertujuan untuk memujuk, mempengaruhi atau menghasut seorang islam –*
    - i) *supaya menjadi penganut atau anggota atau cenderung ke arah suatu agama bukan Islam; atau*

(ii) supaya meninggalkan atau tidak suka kepada agama Islam

- 2) Mana-mana orang yang melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen kecil (1) boleh, apabila disabitkan, dikenakan denda tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada empat tahun atau kedua-dua denda dan penjara itu.

Murtad dijelaskan sebagai meninggalkan agama asal dan keluar daripada kepercayaan itu selepas mengikutinya. Nurhafilah Musa mengutip terjemahan Dr. Muhammad Muhsin Khan, bahawa murtad bagi Islam merupakan salah satu jenayah hudud dan hukumannya ialah hukuman bunuh. (Musa, 2016) Islam menghukum mereka yang murtad kerana dianggap bertindak melawan Islam yang merupakan agama dalam sistem pemerintahan. Dalam perspektif perundangan Islam, tidak ada kebebasan beragama bagi orang yang mengikuti agama Islam. Perbuatan murtad merupakan jenayah ke atas agama dan perkembangan murtad ini akan menjejaskan maqasid syariah agama Islam yang pertama, iaitu memelihara agama (Musa, 2016). Perkara ini juga menjadi tantangan kepada pemimpin jemaat dalam usaha mengembangkan pengaruh gereja di Sabah.

Kebobrokan moral dan spiritual tutrut terjadi dalam masyarakat Kristian di Sabah. Sikap mencintai diri sendiri dan mengutamakan keselesaan dan kesenangan hidup. Anak muda lebih suka berbicara kosong dan memenuhi keinginan hati dan kehendak diri. Sikap suka mengosip dan mengata akibat memetingkan diri berbanding hormat dan mengasihhi. Mereka tidak suka diajar malah suka memberontak dan memilih haluan sendiri. Perkembangan teknologi memampukan capaian belia mengamati budaya asing yang menjadi contoh dalam kehidupan tanpa disedari merupakan penyakit *ailments* yang sedang merebak dalam diri. ini merupakan tentangan dalam pelayanan yang harus dihadapi.

#### **Analisa surat 2 Timotius 4:5**

Bersikaplah waspada dalam segala hal. Tanggunglah kesusahan, laksanakanlah tugas sebagai pengajar Injil, dan jalankanlah pengabdianmu sepenuhnya.

Berbagai halangan dalam pelayanan yang harus dihadapi oleh Timotius, Di bagian akhir rasul Paulus memberi nasihat dan mendorong agar Timotius tetap melaksanakan 'Mandat Allah' sebagai pekerjaan yang harus dipenuhi. Dalam 2 Timotius 4:5 Paulus menegaskan Empat pelayanan yang penting, yaitu: Menguasai diri, Sabar menderita, Memberitakan Injil, Menunaikan tugas pelayanan.

#### **Kuasailah dirimu dalam segala hal.**

Nasihat ini berupa penekanan penting bagi Timotius sebagai seorang hamba Tuhan yang masih muda dalam usia dan pengalaman pelayanannya. Pengaruh keinginan materialisme dan ajaran sesat, boleh menjadikan kebingungan dan kehilangan pertimbangan dalam membuat keputusan yang tepat sehingga memberi kesan pada kegagalan dalam pelayanan. (Sinaga et al., 2021) Timotius perlu menguasai semua yang dikerjakannya, menguasai musuhnya ke atas percobaan dan menguasai diri sendiri. Dalam konteks jemaat di Sabah, pemimpin harus menguasai diri dalam menghadapi ajaran sesat yang adalah manifestasi dari setan. Seterusnya, harus menguasai diri ketika berhadapan perdebatan dengan para penganut agama lain dan individu dengan tenang dan bersandarkan kepada Tuhan. Sentiasa bersedia dan mewaspada dengan godaan materialisme seperti sikap 'cinta uang' yang disebut sebagai 'akar dari segala kejahatan'. Percubaan ini masih dan sedang terjadi di zaman ini. Sebagai jemaat dan pemimpin hamba Tuhan sikap 'menguasai diri dalam segala hal' adalah sangat diperlukan.

#### **Sabarlah menderita**

Secara literal bermaksud "tanggunglah penderitaan dengan sabar". ajaran dipadukan dengan degradasi moral dan spiritual manusia di akhir zaman ini dan membentuk kekuatan untuk melawan iman

kepercayaan yang dimanifestasikan dalam bentuk penganiayaan sehingga terjadi penderitaan bagi orang percaya. perkara ini merupakan akibat dan kesan kesetiaan dari praktik iman untuk memenuhi panggilan pelayanan. (Lumbanraja et al., 2021) Rasul Paulus menjelaskan perkara ini sebagai “memperjuangkan perjuangan yang baik dengan iman”. Kepada sesiapa yang sanggup bertahan sehingga akhirnya ia akan menang.

### **Lakukanlah pekerjaan pemberita Injil**

Rasul Paulus mengakui sepenuhnya bahwa dirinya dibenarkan untuk menyelesaikan peranan sebagai ‘pemberita’ (1Tim 2:7). Ia melihat peranan pemberita Injil suatu kewajiban yang harus dilaksanakan. Untuk itu ia merasa ‘celaka jika tidak memberitakan Injil’ (1Kor 9:16). Berdasarkan panggilan itu Paulus menugaskan Timotius untuk bekerja sebagai ‘pemberita’ (1Tim 1:18; 4:11). peranan pemberita merupakan seorang ‘rasul’ yang juga harus menyiram apa yang sudah ditanam sebelumnya. Itulah tugas Timotius. peranan ini penting dan utama karena harus diberitakan dalam waktu baik atau sebaliknya (2Tim 4:2).

### **Tunaikanlah tugas pelayananmu**

Kata ‘tunaikanlah’ berarti ‘selesaikanlah seluruhnya’ pekerjaan pelayanan. Kata ‘pelayanan’ (‘diakonia’) adalah tugas pelayanan yang tidak terkait dalam jabatan dan tugas formal. Penyelesaian tugas ini mencakup dua aspek, yaitu: aspek waktu dan aspek geografis. Batas waktu adalah sehingga ‘akhir zaman’ (Mat 28:20) manakala batas geografis adalah sehingga ‘ujung bumi’ (Kis 1:8). manakala ruang lingkup tugas meliputi kehadiran, penyampaian dan tindakan. Itu berarti pekerjaan dalam pelayanan bersifat ‘holistik yaitu menyeluruh seluruh aspek kehidupan manusia.

### **SIMPULAN**

Jemaat Kristian yang ada di Sabah menerima kesan daripada pertembungan bangsa yang membawa kepada perubahan identiti asal peribumi yang berdampak pada iman dan kepercayaan beragama. Sebagaimana Paulus menulis surat 1 dan 2 Timotius memberi nasihat kepada jemaat berkait ‘ailments’ penyakit yang menyerang jemaat yang dilayani berbentuk pengajaran sesat, Etika dalam beribadah, Perdebatan atau bersilat kata, Cinta Uang, Kebobrokan moral dan spiritual di akhir zaman. Semuanya itu sudah terjadi dan akan terjadi lagi “di bawah kolong langit, tiada yang baru” harus ada kesetiaan kepada kepercayaan yang menjadi sandaran. Pengertian dalam surat 2 Timotius 4:5 memberikan nasihat dan petunjuk untuk menguasai diri, terus bersabar dalam penderitaan, langsungkan memberitakan injil dan menyelesaikan tugas pelayanan yang diberi-Nya. Semua yang dijelaskan melalui penelitian ini dapat berkontribusi bagi jemaat GMAHK di Sabah, Malaysia.

### **DAFTAR PUSTAKA**

- Acharya, A. K. (2021). Caste-based migration and exposure to abuse and exploitation: Dadan labour migration in India. *Contemporary Social Science*, 16(3). <https://doi.org/10.1080/21582041.2020.1855467>
- Anatomi kasar - Wikipedia Bahasa Melayu, ensiklopedia bebas*[https://ms.wikipedia.org/wiki/Anatomi\\_kasar](https://ms.wikipedia.org/wiki/Anatomi_kasar). (2021).
- Armila. (2016). *Etika Moral dan Spitualitas Pelayan Tuhan*.
- Berawi, F. M., Khalizah, N., Buruh, S., & Kajian, S. (2019). *Buruh Asing Di Ranau , Sabah : Kajian Kes. December 2015*.
- Dollah, R., & Abdullah, K. (2017). WACANA HEGEMONIK DAN DASAR PEKERJA ASING DI MALAYSIA : Kajian kes. *Jurnal Komunikasi Borneo*, 5(May 2019), 63–81.
- Henny, L. (2020). Konsep Ibadah Yang Benar Dalam Alkitab. *Excelsis Deo: Jurnal Teologi, Misiologi, Dan*

- Pendidikan*, 4(1), 73–88. <https://doi.org/10.51730/ed.v4i1.32>
- Hutagalung, B. R. (2020). *ETIKA BERBUSANA DALAM IBADAH DARING DI MASA PANDEMI COVID-19*. 4(1), 2–16. <https://doi.org/10.36972/jvow.v4i1.78>
- Idris, A., Yusof, S., Sintang, S., & Ramli, I. (2020). Dasar Kerajaan Negeri Sabah Menangani Perkembangan Ajaran Sesat Dalam Islam (Sabah State Policy in Dealing with the Development of Deviant Teachings in Islam). *UMRAN - International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 7(1). <https://doi.org/10.11113/umran2020.7n1.358>
- indrianta, A., Hutagalung, S., & Ferinia, R. (2021). Orang tua sebagai Pemimpin dalam Kelompok Kecil: Sebuah Refleksi Kisah Para Rasul 2:41-47. *JURNAL TERUNA BHAKTI*, 3(2).
- Juanda, J., & Andaline, Z. V. (2019). Menghadapi Ajaran Sesat. *Journal Kerusso*, 4(1). <https://doi.org/10.33856/kerusso.v4i1.80>
- Laman Web Rasmi Kerajaan Negeri Sabah. (2021). *Fakta Mengenai Sabah*. Laman Web Rasmi Kerajaan Negeri Sabah.
- Lumbanraja, A., Hutagalung, S., & Sagala, R. W. (2021). Keteladanan Kepala Rumah Tangga Sebagai Penatua Jemaat Untuk Pertumbuhan Gereja Berdasarkan 1 Timotius 3:5. *Media (Jurnal Filsafat Dan Teologi)*, 3(2). <https://doi.org/10.53396/media.v3i2.39>
- Maraining, A., Zaini, O., Radzi, M. M., & Rahim, M. S. A. (2018). Komuniti suluk dan persoalan migrasi: 'sirih pulang ke gagang.' *Kinabalu (EJK)*, 24, 35–55.
- McChesney, A., & Editor, M. Q. (2019). *Aventist News*.
- Mission, S. (2015). *Pelayanan Di Pulau Banggi. - Seventh-day Adventist Mission ...*<https://www.adventistsabah.org>.
- Mission, S. (2020). *ESDA | Sabah Mission - Adventist Encyclopedia*<https://encyclopedia.adventist.org>.
- Mission, S. (2021). *Sabah Mission - Adventist Yearbook*<https://www.adventistyearbook.org>.
- Mohad, A. H., Karulus, Y., Damit, S. A., Esa, M. S., Aiza, R., Mokhtar, M., Talib, A. T., & Gill, S. S. (2015). *Memahami Sikap Masyarakat Kristian Terhadap Masyarakat Islam Di Sabah : Pasca Isu Larangan Menggunakan Kalimah Allah*. September, 516–527.
- Musa, N. (2016). Undang-undang Kawalan Penyebaran Agama bukan Islam kepada orang Islam. *Persidangan Tuanku Jaafar 2007, May*.
- Nur, M., Hasbollah, H., & Ibrahim, I. A. (2019). *Migrasi dan Impaknya Terhadap Kepelbagaian Etnik Islam di Sabah Migrasi dan Impaknya Terhadap Kepelbagaian Etnik Islam di Sabah*. April.
- Nur Shafinaz Sabri & Zulkefli Aini. (2018). Gerakan Kristianisasi dalam Kalangan Masyarakat Orang Asli di Malaysia. *At-Tahkim*, 8(5), 1–7.
- PERJANJIAN BARU EZRA TARI*, M. Th Judul Oleh Editor Penyunting Desain Sampul Cetakan Pertama Penerbit ISBN : Penafsiran Kritik Teks Perjanjian Baru : Ezra Tari , M . Th : Desri N . Linggamo , Purnama Pasande : Elyse Evasolina Tulaka , Fransisco Oes Asa : (n.d.).
- Profile, S. E. E. (2020). *Pluralisme etnisiti sabah dan sarawak*. June.
- Rumbay, C. A. (2021). Portraying the Spirit's Personality to Minahasan Christian with its Ancestral Spirits Tradition Hues. *Religió: Jurnal Studi Agama-Agama*, 11(1). <https://doi.org/10.15642/religio.v11i1.1610>
- Sabah Mission. (2020). *Seventh-day Adventist Mission of Sabah*<https://www.adventistsabah.org>.
- Sinaga, J., Sagala, R. W., Ferinia, R., & Hutagalung, S. (2021). Peran Fundamental Gembala Bagi Guru Saat Pandemi Dalam Pembelajaran Online Berbasis Karakter: Tantangan dan Sistem Pendukung. *Jurnal Pendidikan Agama Kristen (JUPAK)*, 2(1). <https://doi.org/10.52489/jupak.v2i1.61>
- Site., S. A.-P. D. news. (2020). *Adventist News*.
- Takaliuang, M. P. (2020). Ancaman Ajaran Sesat Di Lingkungan Kekristenan: Suatu Pelajaran Bagi Gereja-Gereja

Di Indonesia. *Missio Ecclesiae*, 9(1), 132–156. <https://doi.org/10.52157/me.v9i1.115>

- Tampake, T. (2018). Tantangan Globalisasi terhadap Nilai-nilai Keindonesiaan. *Theologia: Jurnal Teologi Interdisipliner*, 8(2), 17–28.
- Tanhidy, J., Daliman, M., Suparti, H., & Siswanto, K. (2021). Implementasi Etika Kristen Dalam Keluarga Badan Pengurus Jemaat Gereja Kemah Injil Indonesia Propinsi Jawa Tengah. *Evangelikal: Jurnal Teologi Injili Dan Pembinaan Warga Jemaat*, 5(1), 102. <https://doi.org/10.46445/ejti.v5i1.348>
- Tari, E., & Tafonao, T. (2019). Konsep Hamba Berdasarkan Markus 10:44. *KENOSIS: Jurnal Kajian Teologi*, 5(1), 77–91. <https://doi.org/10.37196/kenosis.v5i1.57>
- Tiara Dewi, Muhammad Amir Masruhim, R. S. (2016). Kajian Isu Dan Cabaran Hubungan Antara Penganut Agama Di Sabah, Malaysia. *Laboratorium Penelitian Dan Pengembangan FARMAKA TROPIS Fakultas Farmasi Universitas Muarawarman, Samarinda, Kalimantan Timur, April*, 5–24.
- Tuhan, H., Pemberi, S., Iptek, K., Naisbitt, J., Village, G., & Giddens, M. A. (2000). “Menjadi Pelaksana Mandat Allah di Tengah Krisis Global” Oleh : Pdt . Dr . Gunaryo Sudarmanto , D . Th Pendahuluan : 1 . Analisis Konteks : Krisis Global. 2000.